

07 NOV 2003

Abdullah-Pendidikan

KERAJAAN BERI TUMPUAN TINGKAT KAPASITI INTELEKTUAL GOLONGAN MUDA

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Kerajaan akan memberi penekanan untuk meningkatkan kapasiti intelektual di kalangan golongan muda, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata perkara itu telah dibincangkan secara panjang lebar pada mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini.

"Perkara ini telah dibangkitkan oleh anggota-anggota komponen supaya penekanan pendidikan untuk mewujudkan tenaga kerja yang lebih berilmu serta tenaga kerja yang lagi gemilang," katanya pada persidangan media selepas mesyuarat itu.

Mesyuarat hari ini ialah yang pertama dipengerusikan Abdullah genap seminggu selepas dilantik sebagai Perdana Menteri dan pada mesyuarat itu juga beliau sebulat suara dilantik sebagai Pengerusi BN.

Beliau berkata penekanan terhadap keperluan mewujudkan kapasiti intelektual di kalangan golongan muda itu bertujuan memastikan Malaysia berupaya mengeluarkan tenaga kerja yang berkemahiran secara berterusan dalam menjamin pembangunan negara.

Abdullah juga berkata melalui pendidikan, perpaduan antara golongan muda ini akan dapat diperkukuhkan serta tumpuan untuk menambahkan kemahiran di kalangan mereka akan membolehkan mereka menjadi aset negara pada masa hadapan.

"Matlamat kita ialah untuk membina tenaga muda ini dan apa jua masalah kita akan beri perhatian," katanya.

Abdullah juga ditanya mengenai persiapan Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya dan beliau berkata pilihan raya boleh diadakan pada "bila-bila pun" dan semua komponen parti perlu mempertingkatkan persiapan mereka walaupun mereka kini merasakan sudah bersiap sedia.

Beliau juga ditanya mengenai kenyataan parti pembangkang bahawa keputusannya untuk tidak menamakan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sekarang menunjukkan beliau tidak mempercayai sesiapa pun.

"Mereka boleh katakan apa yang mereka suka. Saya yang akan memutuskannya, ia prerogatif saya," kata Abdullah.

Sementara itu, semasa bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata jamuan malam penghargaan untuk bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad kemungkinan akan diadakan Januari depan.

"Tarikhnya belum ditetapkan, mungkin dalam bulan Januari tahun depan kerana beliau mempunyai terlalu banyak urusan, kena tunggu dulu dan saya akan membentuk sebuah jawatankuasa mengenainya dan akan menetapkan tarikh yang sesuai," katanya.

Dr Lim berkata jamuan malam penghargaan BN itu adalah berbeza daripada yang dirancang MCA dengan parti BN Cina yang lain yang dijadual diadakan 1 Feb tahun depan.

Ditanya mengenai nasihat Abdullah kepada parti komponen supaya mengurangkan main politik di kalangan mereka, Dr Lim berkata banyak yang telah dikurangkan.

"Banyak perkara telah dimulakan atas dasar yang baik, persefahaman di kalangan parti komponen BN kini lebih baik dan bersiap sedia menghadapi orang ramai," katanya.

Beliau juga berkata perkara berkaitan masa pilihan raya tidak dibincangkan kerana ia merupakan hak Perdana Menteri.

Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting ketika ditemui pemberita berkata

perkara itu tidak dibincangkan kerana ia baru mesyuarat pertama yang dipengerusikan Abdullah.

Bagaimanapun beliau yakin sokongan masyarakat Cina di negara ini terhadap BN adalah lebih baik pada pilihan raya umum nanti.

-- BERNAMA
AT MUN RON